



**Sinar Harian**  
**16-Jan-2012**  
 Page: 50  
 General News  
 Market: Selangor  
 Circulation: 160000  
 Type: Malaysia - Malay Newspapers  
 Size: 272.88 sq.cms  
 Frequency: MTWTF

# MyKasih bantu hampir 10,000 keluarga miskin

**TEMERLOH** – MyKasih Foundation yang diasaskan tiga tahun lalu kini telah membantu hampir 10,000 keluarga miskin di seluruh negara termasuk 650 di Pahang dalam menjamin kehidupan lebih baik dari segi bantuan pendidikan dan makanan.

Pengasasnya, Ngau Boon Keat berkata, MyKasih Foundation yang menggunakan teknologi Mykad menjamin setiap sumbangan sampai kepada penerima sepenuhnya sekali gus memberi keyakinan kepada penderma untuk menyokong program tersebut.

Menurutnya,, MyKasih bukan sahaja memberi bantu-

an makanan malah keluarga penerima juga akan terlibat dalam latihan seperti kemahiran dan kelas tambahan disediakan.

“Ia bertujuan memberi peluang pekerjaan dan mendorong anak-anak keluarga penerima untuk terus belajar walaupun dalam keadaan keluarga mereka susah,” katanya.

Beliau berkata demikian kepada media selepas perasmian program MyKasih ‘Love My Neighbourhood’ di Sekolah Jenis Kebangsaan Khee Chee, di sini, kelmarin.

Program dirasmikan Timbalan Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Saifuddin

Abdullah.

Turut hadir, Ketua Pegawai Eksekutif MyKasih Foundation, Datuk Badlisham Ghazali dan Pengerusi Eksekutif Kumpulan Tunas Manja, Datuk Chan Chin Swee.

Boon Keat yang keluarganya juga berasal dari Temerloh berkata, beliau dan keluarga sendiri menyumbang kepada 1,800 keluarga daripada keseluruhan 10,000 keluarga penerima sejak ditubuhkan tiga tahun lepas.

Beliau berkata, dengan menggunakan teknologi Mykad beliau amat berbangga dengan inovasi yang diperkenalkan dalam pengurusan

bantuan kebajikan kerana semua bantuan daripada penderma dijamin sampai sepenuhnya kepada penerima.

“Bantuan ini diberikan dengan setiap keluarga menerima bantuan kewangan RM40 setiap dua minggu selama dua tahun.

“Kriteria mereka yang layak menerima bantuan dipilih dan dicadangkan banyak pihak termasuk badan bukan kerajaan (NGO) dan pihak sekolah yang akhirnya ditapis kelab Lion dan Rotary sebelum diluluskan permohonan mereka,” katanya.



Saifuddin (dua, kiri) bersama Boon Keat (tiga, kiri) dan Badlisham melihat kaedah penggunaan Mykad dalam pembelian barangan keperluan oleh keluarga miskin.